



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**KESEDIAAN MURID TINGKATAN LIMA DALAM MENJAWAB
SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)
MATA PELAJARAN SEJARAH**

*THE READINESS OF FORM FIVE STUDENTS IN ANSWERING HIGHER ORDER
THINKING SKILLS (HOTS) QUESTIONS IN THE HISTORY SUBJECT*

Muthiah Alorsamy^{1*}, Mahzan Awang²

- ¹ Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: muthiah@mbsskl.edu.my
- ² Department of Education, Universiti Kebangsaan, Malaysia
Email: mahzan@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.10.2023
Revised date: 15.11.2023
Accepted date: 22.12.2023
Published date: 31.12.2023

To cite this document:

Alorsamy, M., & Awang, M. (2023). Kesediaan Murid Tingkatan Lima Dalam Menjawab Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 393-408.

DOI: 10.35631/IJMOE.519026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan abad ke-21 adalah bertujuan melahirkan modal insan yang yang boleh berfikir aras tinggi dalam menyelesaikan masalah secara inovatif dan kreatif. Namun Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid tingkatan lima masih menjadi satu polemik. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenal pasti permasalahan kesediaan murid dari aspek pengetahuan dan sikap untuk menjawab soalan KBAT sejarah di peringkat tingkatan lima. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah bersampelan bertujuan (non-probability sampling). Pengkaji menggunakan reka bentuk tinjauan yang melibatkan 79 murid yang gagal menjawab soalan KBAT dalam peperiksaan pertengahan tahun di sebuah sekolah menengah di Zon Bangsar Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini. Skala Likert 5 mata digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, sikap kesediaan murid menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah di peringkat tingkatan lima berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid untuk menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah saling mempengaruhi. Implikasi kajian ini memberi maklumat kepada para guru sejarah untuk menambah baik strategi menerapkan KBAT terhadap murid-murid tingkatan lima agar mereka menguasai kemahiran menjawab soalan KBAT sekaligus memberi kesan kepada pengetahuan, sikap dan kesediaan murid-murid terhadap soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang

signifikan dalam membugarkan pengetahuan, sikap dan kesediaan untuk membantu murid menguasai keupayaan menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah.

Kata Kunci:

Pengetahuan, Sikap, Kesediaan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Abstract:

21st century education aims to produce human capital who can think at a high level in solving problems innovatively and creatively. However, Higher Order Thinking Skills (HOTS) among form five students is still a polemic. Thus, this study is to identify the problem of students' readiness from the aspect of knowledge and attitude to answer the history HOTS question at the form five level. This study uses quantitative methods. Data was collected using a purposive sampling method (non-probability sampling). The researcher used a survey design involving 79 students who failed to answer HOTS questions in the mid-year examination at a secondary school at Bangsar Pudu Zone, Federal Territory of Kuala Lumpur. A questionnaire instrument was used in this study. A 5-point Likert scale was used in this study. The results of the analysis show that the level of knowledge, the willingness of students to answer HOTS questions among form five students in the subject of History is at a moderately low level. This shows the level of knowledge, attitude and willingness of students to answer HOTS questions in the History subject influences each other. The implications of this study provide information to history teachers to improve the strategy of applying HOTS questions among form five students to master the skills of answering HOTS questions, hence affect the students' knowledge, attitude and readiness to HOTS questions in the subject of History. Therefore, teachers need to play a significant role in developing knowledge, attitudes and willingness to help students master the ability to answer HOTS questions in the subject of History.

Keywords:

Knowledge, Attitude, Readiness, Higher Order Thinking Skills

Pengenalan

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah konsep yang popular dalam pendidikan Amerika sekitar tahun 1950an. Benjamin Bloom dalam bukunya pada tahun 1956, "*Taxonomy of Educational Objectives: Classification of Educational Goals*" telah mengemukakan idea KBAT berdasarkan pelbagai taksonomi pembelajaran (Bloom, 2020). Lantaran itu, bermula tahun 2017 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerapkan pendekatan KBAT dengan harapan murid dapat menguasai kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Said et al., 2020). Justeru, penekanan terhadap soalan KBAT diberikan penguatkuasaan lantas diterap secara signifikan dalam semua mata pelajaran (Andin & Rosmiza, 2023).

Penerapan KBAT dapat melahirkan seseorang murid yang berketrampilan selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ismail et al., 2021). Mereka juga bersetuju bahawa penerapan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Sejarah sebenarnya adalah usaha melahirkan modal insan yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan secara berani, berinovatif dan kritis sekali gus berdaya saing dalam masyarakat lokal dan global (Abd Wahid et al., 2023) seperti yang terkandung dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia

Gelombang 2 (SKPMg2) Standard 5. Tahap pengetahuan yang diterapkan melalui KBAT adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Empat Tahap Pemikiran Aras Tinggi Dari Bawah Ke Atas

Tahap Pemikiran	Deskripsi
Mencipta ↑	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara

Penyataan Masalah

Keputusan mata pelajaran Sejarah merosot bagi tahun 2017 kerana ramai murid yang tidak memperoleh keputusan yang baik dalam mata pelajaran Sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (Laporan Keputusan SPM 2017, Lembaga Peperiksaan Malaysia). Berdasarkan keputusan SPM 2017 terbukti, bahawa murid tidak mampu berfikir secara analitik dan kritis dalam menjawab soalan-soalan KBAT (Kaviza, 2020). Oleh itu, isu kegagalan dalam mata pelajaran Sejarah dikaitkan tahap kesediaan dari segi pengetahuan dan sikap murid-murid menjawab soalan-soalan KBAT.

Matlamat pendidikan abad ke-21 adalah melahirkan murid yang mampu menyesuaikan diri dengan peredaran zaman dan mengembangkan sifat ingin tahu (Cahyadi et al., 2019). Realitinya, bukan semua murid boleh berfikir pada aras tinggi. Keupayaan berfikir setiap individu adalah berbeza (Cheah & Hiew, 2022). Meskipun kebanyakan soalan KBAT dalam peperiksaan Sejarah disertakan dengan stimulasi, petikan, gambar, dialog, lukisan sebagai rangsangan namun murid-murid tingkatan lima masih menghadapi masalah menjawab soalan KBAT dengan baik (Sirajuddin et al., 2022). Pengetahuan bertema yang difokuskan dalam sukatan kandungan KSSM adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tema Sejarah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Tahap II	Tema	Tingkatan	Tema
Tahun 4	Sejarah Awal Negara	Tingkatan 1	Sejarah Kita dan Dunia
Tahun 5	Kedaulatan Negara	Tingkatan 2	Warisan Negara
Tahun 6	Kemakmuran Negara Kita	Tingkatan 3	Kedatangan Kuasa Asing
		Tingkatan 4	Pembinaan Negara
		Tingkatan 5	Malaysia dan Masa Hadapan

Selain itu, kelemahan pengetahuan menggunakan peta i-Think dan kemahiran menghubungkan elemen-elemen KBAT turut mempengaruhi sikap murid menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah di tingkatan lima (Sirajuddin et al., 2022). Guru-guru sejarah yang mengajar murid-murid multi-etnik juga menghadapi masalah sikap untuk menyediakan mereka menjawab soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah (Mat Lui & Ahmad, 2021). Guru menghadapi masalah ketika mengaplikasikan kemahiran berfikir, iaitu pengetahuan sedia ada murid yang rendah dan sikap murid yang agak negatif terhadap kemahiran berfikir (Saleh & Rosli, 2018)

Sungguhpun KBAT diterapkan merentasi kurikulum (Kartini et al., 2021) sejak sekolah rendah namun ada murid-murid gagal menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah di peringkat tingkatan lima (Aridas & Awang, 2019). Timbul isu masalah pengetahuan dan sikap dalam kesediaan mereka terhadap mata pelajaran Sejarah (Kaviza, 2019). Kajian ini adalah untuk mengenal pasti wujud permasalahan tahap kesediaan murid dari aspek pengetahuan dan sikap untuk menjawab soalan KBAT sejarah di peringkat tingkatan lima. Justeru, objektif kajian adalah seperti berikut;

Objektif : Mengetahui tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kesediaan murid tingkatan lima terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah

Tinjauan Literatur

Kesediaan Murid

Kesediaan ialah kesanggupan dan kerelaan seseorang murid (Madawan et al., 2017). kesediaan fizikal, mental dan emosi seseorang murid adalah sangat penting dalam menjawab soalan KBAT di peringkat tingkatan lima (Chew et al., 2021). Kesediaan murid merangkumi kesediaan pengetahuan dan sikap. Mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) Standard 5, murid juga mesti bersedia menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada untuk membuat justifikasi ketika menjawab soalan KBAT secara kreatif dan inovatif. Oleh itu, murid perlu bersedia dari aspek seperti membaca bahan-bahan sejarah termasuk buku teks sejarah dan terlibat secara aktif dalam semua aktiviti pembelajaran dan pengajaran di kelas (Maria et al., 2019). Murid juga mesti bersedia bertanya soalan kepada guru, membuat latihan bertulis berkaitan soalan KBAT, bersedia mencari maklumat tambahan tentang soalan KBAT. Menurut Peng (2016) kebanyakan murid SJK Cina kurang bersedia melangkah ke sekolah menengah untuk belajar mata pelajaran Sejarah dalam medium bahasa Melayu yang menyatakan bahawa kesediaan murid menjawab soalan KBAT sejarah turut dipengaruhi oleh penguasaan bahasa Melayu (Ibrahim et al., 2017). Elemen kesediaan ini akan mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap murid dalam menjawab soalan KBAT Sejarah di tingkatan lima.

Kesediaan murid untuk menjawab soalan KBAT sangat bergantung kepada kesediaan guru untuk menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (Yusof et al., 2022). Kesediaan seseorang murid mengaplikasikan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah juga sangat dipengaruhi oleh kesediaan guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran selaras dengan pendidikan abad ke-21 (Mat Isa et al., 2021).

Pengetahuan Murid

Pengetahuan merujuk kepada keupayaan intelektual seseorang murid untuk mengenal pasti kandungan khusus yang terdapat dalam sesuatu subjek (Chew et al., 2021). Murid-murid mula didedahkan kepada mata pelajaran Sejarah sejak darjah empat (Tajudin & Hashim, 2022). Murid diajar untuk berfikir secara rasional dengan menggunakan pelbagai kemahiran kognitif seperti menganalisis, mensintesis dan mencipta sesuatu yang baharu bagi menyelesaikan sesuatu masalah (Tahim et al., 2021). Oleh itu, pengetahuan yang sedia ada dalam murid akan memudahkan kebolehan murid untuk memahami dan menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah.

Pengetahuan KBAT diajar sejak sekolah rendah bagi memastikan seseorang murid berupaya menghubungkaitkan isi pembelajaran dalam menyelesaikan masalah. Pengetahuan tentang KBAT dapat membantu murid menyelesaikan sesuatu tugas dengan berkesan (Tuan Rahayu et al., 2017). Tanpa pengetahuan KBAT yang jelas akan menyebabkan murid tidak dapat menjawab soalan-soalan yang memerlukan kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif. Murid akan menghadapi masalah apabila soalan KBAT memerlukan pengetahuan am untuk menjawab dengan baik (Abd Wahid et al., 2023). Kelemahan ini akan mempengaruhi kesediaan dan sikap murid untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah. Menurut Marimun dan Ahmad (2019) pengetahuan menjawab soalan KBAT yang lemah mempengaruhi keputusan akademik murid-murid dalam peperiksaan. Buktinya, seramai 45,526 calon SPM gagal dalam mata pelajaran Sejarah pada tahun 2021 (Laporan Keputusan SPM 2021 Lembaga Peperiksaan Malaysia).

Sikap Murid

Sikap ialah tindak balas sama ada secara positif atau negatif bergantung kepada pengalaman, keupayaan berfikir dan penerimaan idea baharu (Tuan Rahayu et al., 2017) Manakala menurut, Siti dan Ahmad (2022), terdapat tiga komponen sikap, iaitu tingkah laku, kognitif dan afektif yang mempengaruhi kecenderungan seseorang bertindak balas terhadap persekitaran dan maklumat baharu. Selain itu, sikap murid tidak menyiapkan soalan berunsur KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru, menyebabkan murid berasa terbeban sehingga hilang minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Dapatan beberapa orang pengkaji seperti Kaspin et al., (2018); Abdul Talib et al.,(2019), menyokong sikap memainkan peranan penting dalam memupuk minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, pengkaji perlu mengenal pasti sikap murid-murid menjawab soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah di tingkatan lima.

Methodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*non-probability sampling*). Populasi kajian adalah seramai 79 orang murid dari sebuah sekolah di Zon Pudu Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengkaji menggunakan kajian data mata pelajaran Sejarah Peperiksaan Pertengahan Tahun 2023 SPM. Markah semua murid tingkatan lima telah diambil bagi mata pelajaran tersebut. Data seramai 142 orang murid tingkatan lima telah dikutip. Kertas soalan murid telah diteliti dan disemak bagi mengenal pasti murid yang gagal menjawab soalan-soalan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Data yang diperolehi dijadikan bukti untuk mengukuhkan objektif kajian iaitu terdapat hubungan kait secara langsung antara kegagalan menjawab soalan KBAT Sejarah dengan kesediaan murid dari segi pengetahuan dan sikap. Responden ialah murid yang tidak menjawab soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah semasa Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi tahun 2023.

**Jadual 3: Analisis Peperiksaan Pertengahan Tahun 2023 Di Sekolah Menengah
Kebangsaan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur**

Kelas	5ST1	5ST2	5K1	5K2	5K3	5K 4	5K 5	JUMLAH
Jumlah Murid	23	16	15	17	23	23	25	142
Jawab KBAT	22	15	7	2	6	11	0	63
Tidak Jawab KBAT	1	1	8	15	17	12	25	79

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini telah diadaptasi daripada kajian Tuan Rahayu et al., (2017), Mat Isa dan Mahamod (2021), serta diubahsuai mengikut sukatan pelajaran Sejarah. Instrumen soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian A mengandungi 11 item berkaitan pengetahuan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Bahagian B mengandungi 7 item berkaitan dengan sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Bahagian C mengandungi 8 item tentang kesediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Skala Likert 5 mata digunakan dalam kajian ini. Instrumen tersebut kemudian diberikan kepada empat orang pakar yang dipilih berdasarkan latar belakang akademik, bidang kepakaran dan pengalaman. Mereka ini terdiri daripada Guru Cemerlang Sejarah (GC), ketua panitia, penggubal kertas peperiksaan SPM dan pensyarah universiti tempatan. Pendapat dan kritikan mereka diambil kira untuk membuat penambahbaikan kesahihan item soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan.

Justeru, nilai kesahan konstruk bagi pengetahuan adalah antara 0.320 hingga 0.894. Manakala konstruk sikap murid adalah antara 0.230 hingga 0.906 dan nilai konstruk bagi kesediaan murid ialah 0.43 hingga 0.834. Ujian alpha Cronbach digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen. Hasil kajian menunjukkan pekali kebolehpercayaan bagi pembolehubah tahap pengetahuan yang terdiri daripada 11 item terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah mempunyai nilai alpha 0.928. Manakala nilai alpha bagi tahap sikap yang terdiri daripada 7 item ialah 0.878 dan bagi tahap kesediaan yang terdiri daripada 8 item mempunyai nilai alpha 0.863. Menurut Furr dan Bacharach (2013), nilai alpha melebihi atau sama 0.72 menunjukkan bahawa instrumen ini adalah baik dan relevan.

Kedah kuantitatif perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 24.0 digunakan untuk menganalisis semua data yang dikumpul. Soal selidik diadakan dalam kelas kepada murid yang gagal menjawab soalan KBAT peperiksaan pertengahan tahun 2023 dalam mata pelajaran Sejarah tingkatan lima. Statistik deskriptif skor min dan sisihan pawai digunakan untuk mengenal pasti tahap kesediaan murid dengan pengetahuan dan sikap dalam menjawab soalan KBAT sejarah. Penilaian skor min bagi tahap kesediaan murid dengan pengetahuan dan sikap dalam menjawab soalan KBAT sejarah adalah menggunakan skala seperti dalam Jadual 4. Hubungan kesediaan murid dengan pengetahuan dan sikap dalam menjawab soalan KBAT sejarah pula dianalisis menggunakan Ujian Korelasi Pearson dan ini adalah aplikasi statistik deskriptif.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978) dan Pallant (2013)

Dapatan dan Perbincangan

Objektif: Mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap sikap dan tahap kesediaan murid tingkatan lima terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah

Tahap Pengetahuan Murid Terhadap KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pengukuran pengetahuan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dinilai daripada keseluruhan min dan frekuensi tertinggi responden kajian. Jadual 5 menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan terhadap persetujuan murid berkenaan pengetahuan terhadap KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Analisis menunjukkan min keseluruhan bagi pengetahuan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah ialah 2.350 dengan nilai sisihan piawai 0.734.

Secara terperinci, dapatan menerangkan bahawa secara keseluruhan murid memiliki tahap pengetahuan yang sederhana rendah. Pernyataan item B3 “Soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru membantu saya mengembangkan kefahaman tentang kemahiran berfikir aras tinggi” mencatatkan 86.1 peratus bagi skala ‘Tidak Setuju’ (TS). Seterusnya, item B4 menyatakan bahawa “Saya dapat meningkatkan pengetahuan KBAT Sejarah dengan penggunaan peta i-Think” mencatatkan 24 peratus persetujuan (S=17.7% dan SS=6.3%). Hal ini menunjukkan majoriti murid 76 peratus murid tidak suka menggunakan peta i-Think dalam menjawab soalan KBAT. Begitu juga dengan pernyataan item B5 “Saya semakin faham soalan-soalan KBAT apabila diberikan latihan berterusan oleh guru mata pelajaran Sejarah” menunjukkan sebahagian besar murid iaitu 81.0 peratus memberikan tanda tidak setuju terhadap pernyataan. Antara lain, pernyataan item B6 iaitu “Saya dapat menjawab soalan aplikasi KBAT Sejarah dengan baik” (S=17.7% dan SS=1.3%); item B7 iaitu “Saya dapat menjawab soalan-soalan analisis KBAT Sejarah secara kritis” (S=15.2%); item B8 iaitu “Saya dapat menghubungkaitkan pengetahuan KBAT Sejarah dalam kehidupan seharian” (S=10.1% dan SS=5.0%); item B9 iaitu “Saya selalu latih tubi soalan-soalan KBAT Sejarah di rumah untuk meningkatkan tahap pengetahuan” (S=7.6% dan SS=7.6%); B10 iaitu “Saya dapat menilai sesuatu situasi yang diberikan dalam soalan KBAT Sejarah” (S=13.9% dan SS= 1.3%) dan item B11 iaitu “Saya dapat menjana idea baharu berdasarkan stimulus yang diberikan dalam soalan KBAT Sejarah” (S=1.3%).

Ini menunjukkan bahawa murid-murid tingkatan lima yang belajar mata pelajaran Sejarah mempunyai pengetahuan KBAT yang sederhana rendah meskipun murid-murid telah didedahkan KBAT semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sejak sekolah rendah

(Nor et al., 2018). Perkara ini terbukti dalam kajian Andin dan Rosmiza (2023) yang menyatakan pelaksanaan KBAT kurang berkesan kerana murid belum bersedia mengambil bahagian yang secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran memandangkan guru hanya memainkan peranan sebagai fasilitator sahaja (Mohd Mahzan et al., 2016). Oleh itu, pengetahuan kandungan mata pelajaran Sejarah penting bagi seseorang murid untuk memahami peristiwa sejarah.

Jadual 5: Tahap Pengetahuan Murid Terhadap KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Item	STS		TS		KS		S		SS	
	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%
B1 Saya didedahkan maksud kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran mata pelajaran Sejarah.	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	55.0	69.6	24.0	30.4
B2 Saya mengetahui elemen-elemen KBAT Sejarah setelah didedahkan oleh guru.	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	48.0	60.8	31.0	39.2
B3 Soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru membantu saya mengembangkan kefahaman tentang kemahiran berfikir aras tinggi.	0.0	0.0	68.0	86.1	0.0	0.0	10.0	12.7	1.0	1.3
B4 Saya dapat meningkatkan pengetahuan KBAT Sejarah dengan penggunaan peta i-Think.	0.0	0.0	49.0	62.0	11.0	13.9	14.0	17.7	5.0	6.3
B5 Saya semakin faham soalan-soalan KBAT apabila diberikan latihan berterusan oleh guru mata pelajaran Sejarah.	0.0	0.0	64.0	81.0	0.0	0.0	13.0	16.5	2.0	2.5
B6 Saya dapat menjawab soalan aplikasi KBAT Sejarah dengan baik.	0.0	0.0	59.0	74.7	5.0	6.3	14.0	17.7	1.0	1.3
B7 Saya dapat menjawab soalan-soalan analisis KBAT Sejarah secara kritis.	28.0	35.4	35.0	44.3	4.0	5.1	12.0	15.2	0.0	0.0
B8 Saya dapat menghubungkan pengetahuan KBAT Sejarah dalam kehidupan seharian.	15.0	19.0	45.0	57.0	7.0	8.9	8.0	10.1	4.0	5.1
B9 Saya selalu latih tubi soalan-soalan KBAT Sejarah di rumah untuk meningkatkan tahap pengetahuan.	6.0	7.6	58.0	73.4	3.0	3.8	6.0	7.6	6.0	7.6
B10 Saya dapat menilai sesuatu situasi yang diberikan dalam soalan KBAT Sejarah.	6.0	7.6	59.0	74.7	2.0	2.5	11.0	13.9	1.0	1.3

B11 Saya dapat menjana idea baharu berdasarkan stimulus yang diberikan dalam soalan KBAT Sejarah.	56.0	70.9	16.0	20.3	6.0	7.6	1.0	1.3	0.0	0.0
Skor Min	2.350									
Sisihan Piawai	0.734									
Tahap	Sederhana Rendah									

Tahap Sikap Murid Terhadap KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pengukuran sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dinilai daripada keseluruhan min dan frekuensi tertinggi responden kajian. Jadual 6 menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan terhadap persetujuan murid berkenaan sikap terhadap KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Analisis menunjukkan min keseluruhan bagi sikap murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah ialah 2.030 dengan nilai sisihan piawai 0.733.

Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan, murid memiliki sikap yang sederhana rendah. Dapatan ini selaras dengan beberapa pernyataan yang cenderung kepada sikap negatif murid terhadap aplikasi KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Sebagai contoh dalam pernyataan item C1 “Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT dapat merangsang minat saya untuk menjawab soalan KBAT Sejarah dengan lebih baik” mencatatkan 86.1 peratus bagi skala ‘Tidak Setuju’ (TS) hingga Kurang Setuju (KS). Seterusnya, item C2 “Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT menarik minat saya untuk terus belajar mata pelajaran Sejarah” mencatatkan hanya 7.7 peratus (S=6.3% dan SS=1.4%) persetujuan dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan majoriti murid (92.3%) kurang bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan C2. Begitu juga dengan pernyataan item C3 “Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT meningkatkan kebolehan saya penguasai fakta-fakta Sejarah” menunjukkan sebahagian besar murid iaitu 92.4 peratus memberi respon daripada kurang setuju kepada tidak bersetuju terhadap pernyataan. Antara lain, pernyataan item C4 dan C5 juga mencatatkan peratusan persetujuan yang rendah dalam kalangan murid – C4 “Saya suka menjawab soalan-soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah” (S=1.3%) , C5 “Saya suka menyiapkan latihan-latihan soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru di kelas” (S=1.3%). Manakala bagi pernyataan item C6 “Saya berasa terbeban untuk menjawab soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah” dan C7 “Saya berasa sukar menjawab soalan KBAT Sejarah kerana penguasaan bahasa Melayu yang lemah”, hasil dapatan menunjukkan peratusan persetujuan yang tinggi iaitu 92.4 peratus dan 91.1 peratus.

Ini menunjukkan bahawa sikap murid-murid tingkatan lima terhadap KBAT mata pelajaran Sejarah berada pada tahap sederhana rendah. Sikap murid yang tidak suka menyiapkan kerja rumah berkaitan soalan-soalan KBAT yang diberikan oleh guru adalah punca mereka gagal menguasai kemahiran menjawab soalan-soalan berkaitan KBAT (Omar, 2022). Di samping itu, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu juga menyebabkan mereka terbeban untuk menguasai kemahiran menulis dan seterusnya memberi kesan terhadap prestasi akademik mereka (Chelliah & Othman 2022). Kajian Tuan Rahayu et al., (2017) menyatakan bahawa murid yang mempunyai pengetahuan KBAT mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran KBAT. Kajian Ili Atiqah dan Ruslin (2016) mendapati prestasi

akademik seseorang murid ada kaitannya dengan sikap, kemahiran pemikiran kritikal dan kematangan kognitif.

Jadual 6: Tahap Sikap Murid Terhadap KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Kenyataan	STS		TS		KS		S		SS	
	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%
C1 Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT dapat merangsang minat saya untuk menjawab soalan KBAT Sejarah dengan lebih baik.	23.0	29.1	42.0	53.2	3.0	3.8	8.0	10.1	3.0	3.8
C2 Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT menarik minat saya untuk terus belajar mata pelajaran Sejarah.	31.0	39.2	37.0	46.8	5.0	6.3	5.0	6.3	1.0	1.3
C3 Pengajaran dan Pembelajaran berbentuk KBAT meningkatkan kebolehan saya penguasai fakta-fakta Sejarah.	35.0	44.3	37.0	46.8	1.0	1.3	6.0	7.6	0.0	0.0
C4 Saya suka menjawab soalan-soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.	44.0	55.7	33.0	41.8	1.0	1.3	1.0	1.3	0.0	0.0
C5 Saya suka menyiapkan latihan-latihan soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru di kelas.	40.0	50.6	35.0	44.3	3.0	3.8	1.0	1.3	0.0	0.0
C6 Saya berasa terbeban untuk menjawab soalan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.	0.0	0.0	2.0	2.5	4.0	5.1	32.0	40.5	41.0	51.9
C7 Saya berasa sukar menjawab soalan KBAT Sejarah kerana penguasaan bahasa Melayu yang lemah.	0.0	0.0	3.0	3.8	4.0	5.1	37.0	46.8	35.0	44.3
Skor Min	2.030									
Sisihan Piawai	0.733									
Tahap	Sederhana Rendah									

Tahap Kesiediaan Murid terhadap KBAT dalam Mata pelajaran Sejarah

Pengukuran kesiediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dinilai daripada keseluruhan min dan frekuensi tertinggi responden kajian. Jadual 7 menerangkan secara terperinci mengenai kekerapan dan peratusan terhadap persetujuan murid berkenaan kesiediaan terhadap KBAT bagi mata pelajaran Sejarah. Analisis menunjukkan min keseluruhan bagi kesiediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah ialah 2.120 dengan nilai sisihan piawai 0.567.

Jadual 7 menunjukkan dapatan bagi kesiediaan murid terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Secara keseluruhan, murid memiliki tahap kesiediaan yang sederhana rendah. Ini jelas terbukti dari maklum balas murid terhadap pernyataan yang diberi. Misalnya, pernyataan item D1 “Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam pembelajaran berunsur KBAT di

kelas” mencatatkan peratus tertinggi iaitu 92.5 peratus bagi skala kurang setuju (KS) sehingga sangat tidak setuju (STS). Seterusnya, item D2 “Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif ketika sesi pembelajaran soal jawab menggunakan KBAT di kelas” mencatatkan hanya 7.6 peratus (S=6.3% dan SS=1.3%) persetujuan dalam kalangan murid. Hal ini menunjukkan majoriti murid (92.4%) tidak bersetuju dengan kenyataan D2. Begitu juga dengan pernyataan item D4 “Saya bersedia untuk bertanyakan soalan semasa aktiviti pembelajaran menggunakan KBAT di kelas” menunjukkan sebahagian besar murid iaitu 95.0 peratus memberi respon daripada kurang setuju kepada tidak bersetuju terhadap pernyataan. Antara lain, pernyataan item D5, D6, D7, dan D8 juga menunjukkan peratusan persetujuan yang rendah dalam kalangan murid – D5 “Saya bersedia menggunakan unsur KBAT dalam pembelajaran Sejarah di kelas” (S=5.1%), D6 “Saya bersedia membuat latihan tubi soalan-soalan KBAT Sejarah di rumah” (S=5.1% dan SS=2.5%), D7 “Saya bersedia untuk membuat latihan soalan-soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru di kelas” (S=6.3% dan SS=1.3%), D8 “Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menyelesaikan masalah pembelajaran” (S=3.8% dan SS=1.3%). Manakala bagi pernyataan item D3 “Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti berkumpulan menggunakan soalan-soalan KBAT semasa sesi pembelajaran di kelas”, hasil dapatan menunjukkan peratusan yang positif dengan majoriti (86.3%) murid bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Kesemua maklum balas ini menunjukkan kesediaan murid-murid tingkatan lima dalam pembelajaran KBAT mata pelajaran Sejarah berada pada tahap sederhana rendah. Murid-murid tingkatan lima tidak bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam pembelajaran berunsurkan KBAT menyebabkan mereka gagal menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah (Andin & Rosmiza, 2023). Murid-murid juga tidak bersedia untuk menguasai kemahiran KBAT dalam menyelesaikan masalah pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Kajian ini selari dengan kajian Ting et al., (2023) yang menyatakan bahawa kesediaan murid sangat mempengaruhi kemahiran menjawab soalan KBAT. Manakala, *Shakila et al.*, (2018) menyatakan murid memerlukan lebih banyak bimbingan dalam menyelesaikan sesuatu tugas dengan baik. Ini bermakna murid memerlukan bantuan guru untuk mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti pembelajaran di kelas.

Jadual 7: Tahap Kesediaan Murid Terhadap KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah

Kenyataan	STS		TS		KS		S		SS	
	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%	No.	%
D1 Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam pembelajaran berunsur KBAT di kelas.	30.0	38.0	42.0	53.2	1.0	1.3	6.0	7.6	0.0	0.0
D2 Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif ketika sesi pembelajaran soal jawab menggunakan KBAT di kelas.	21.0	26.6	52.0	65.8	0.0	0.0	5.0	6.3	1.0	1.3
D3 Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti berkumpulan menggunakan soalan-soalan KBAT semasa sesi pembelajaran di kelas.	2.0	2.5	10.0	12.7	1.0	1.3	54.0	68.4	12.0	15.2

D4	Saya bersedia untuk bertanyakan soalan semasa aktiviti pembelajaran menggunakan KBAT di kelas.	9.0	11.4	48.0	60.8	18.0	22.8	4.0	5.1	0.0	0.0
D5	Saya bersedia menggunakan unsur KBAT dalam pembelajaran Sejarah di kelas.	2.0	2.5	69.0	87.3	4.0	5.1	4.0	5.1	0.0	0.0
D6	Saya bersedia membuat latihan tubi soalan-soalan KBAT Sejarah di rumah.	21.0	26.6	48.0	60.8	4.0	5.1	4.0	5.1	2.0	2.5
D7	Saya bersedia untuk membuat latihan soalan-soalan KBAT Sejarah yang diberikan oleh guru di kelas.	18.0	22.8	41.0	51.9	14.0	17.7	5.0	6.3	1.0	1.3
D8	Saya bersedia menggunakan KBAT untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.	26.0	32.9	39.0	49.4	10.0	12.7	3.0	3.8	1.0	1.3
Skor Min		2.120									
Sisihan Piawai		0.567									
Tahap		Sederhana Rendah									

Implikasi dan Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cabaran dalam mengaplikasikan kemahiran KBAT dalam kalangan murid. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan murid dalam menjawab soalan KBAT bagi mata pelajaran Sejarah di tingkatan lima dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan sikap. Didapati tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan dalam menjawab soalan KBAT sejarah adalah pada tahap sederhana rendah. Kajian ini mendapati sikap murid masih kurang memuaskan dalam menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menjawab soalan aplikasi, sintaksis dan analisis. Penggunaan stimulus seperti gambar, lirik lagu dan logo masih tidak dapat merangsang pemikiran murid untuk menjawab soalan KBAT sejarah dalam peperiksaan dengan baik (Zakaria et al., 2018).

Ini memberi implikasi bahawa guru mesti memastikan murid yang lemah dalam menjawab soalan KBAT mata pelajaran Sejarah diberikan pendedahan yang berterusan melalui kelas tambahan, kursus intensif dan bengkel (Zaki et al., 2021). Strategik sedemikian akan membantu murid-murid menguasai KBAT bukan sahaja untuk lulus peperiksaan tetapi mahir menyelesaikan masalah dalam kehidupan sebenar selaras dengan matlamat pendidikan abad ke-21 (Saleh & Rosli, 2018). Oleh itu, guru perlu memainkan peranan proaktif dalam mengenal pasti murid yang lemah menjawab soalan KBAT sejarah sejak tingkatan satu untuk menyediakan intervensi jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah tersebut. Pendapat ini turut disokong oleh Tahim et al., (2021). Malah penggunaan peranti mudah alih dan teknologi maklumat dalam penyampaian KBAT boleh mempengaruhi kesediaan murid menjawab soalan KBAT secara aktif (Israil & Ahmad, 2023). Jelasnya guru perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan agar murid boleh dilentur kesediaan dari segi pengetahuan dan sikap dalam menjawab soalan KBAT sejarah (Ismail & Ahmad, 2022).

Penghargaan

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya diberikan kesihatan yang baik, kesabaran, kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan pengajian saya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Mahzan Awang dan Prof. Dr. Norasmah Othman atas bimbingan, bantuan dan sokongan yang berterusan sepanjang pengajian. Nasihat dan keprihatinan mereka yang membina telah membantu saya melalui kebanyakan masa sukar dalam menulis kertas penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada sahabat saya yang tersayang, Manimegalai A/P Govindasamy, yang tidak pernah berhenti mempercayai, membimbing dan menyokong sepanjang pengajian saya. Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang secara langsung dan tidak langsung telah membantu saya dalam usaha ini.

Rujukan

- Abd Wahid, N. B., & Ahmad, A. (2023). Penerimaan Murid Terhadap Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) Di Sebuah Sekolah Menengah dalam Daerah Kluang, Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002353.
- Abdul Talib, N. S., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2023). Keberkesanan Aktiviti Pembelajaran Sejarah Di Muzium: Satu Kajian Kes. *Kajian Malaysia*, 41(2), 267-290.
- Andin, C., & M.Z, R. (2023). Pengajaran KBAT Merentas Kurikulum: Cabaran Guru Dalam Pelaksanaan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 61-72.
- Aridas, S., & Awang, M. M. B. (2019). Tahap Kesiediaan Pelajar Aliran Sekolah Tamil Mempelajari Sejarah Dalam Bahasa Melayu Dan Hubungannya Dengan Pencapaian. In *Proceeding: International Conference on Business, Management, Technology and Education*, 2016 (25.3), 316-323.
- Baharuddin, M. H. B., Ahmad, A. R. B., & Yakub, N. M. (2016). Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Abad Ke-21: Isu Dan Cabaran. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education 1*, 324-335.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: Classification of Educational Goals*, Paru Dans: *Handbook I: Cognitive Domain. Editions McKay, New York.*
- Cheah, K. S., & Hiew, Y. F. (2022). Penerokaan Strategi Guru Untuk Menggalakkan Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Pelajar Di Dua Sekolah Vernakular Cina, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(3), 50-67.
- Cahyadi, E., Dwikurnaningsih, Y., & Hidayati, N. (2019). Peningkatan Hasil Belajar Tematik Terpadu Melalui Model Project Based Learning Pada Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Riset Teknologi Dan Inovasi Pendidikan*, 2(1), 205-218.
- Chew, F. P., & Masingan, N. J. (2021). Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis: *PENDETA*, 12(2), 29-43.
- Cohen, J. (1988). *Set Correlation And Contingency Tables. Applied Psychological Measurement*, 12(4), 425-434.
- Chelliah, S., & Othman, N. (2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), e001509.
- Furr, R. M., & Bacharach, V. R. (2008). *Psychometrics: An introduction. Organization Research Methods*, 14(3), 574-576
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran abad ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.

- Israil, A. A., & Ahmad, A. (2023). Kesediaan Murid terhadap Penggunaan Peranti Mudah Alih dalam Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8(4), e002196.
- Ismail, E. B., & Ahmad, A. (2022). Kesediaan Murid Mengaplikasikan Penggunaan Web 2.0 Dalam Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), e001285.
- Ismail, N., Aziz, M. K., Arsani, Z., & Harun, M. H. (2021). National Education Philosophy: A Review of its Application In Malaysia's Education System. *Research and Thought Elementary School of Islam Journal*, 2(2), 99-111.
- Ili Atiqah & Ruslin, A. (2016). Sikap Terhadap Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Hubungannya Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar-pelajar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30, 142-151.
- Kartini, R. A., & Ali, A. H. (2021). Implikasi Elemen Sastera Melayu Terhadap Perkembangan Kognitif Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 116-126.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Kalangan Murid. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 30-38.
- Kaviza, M. (2020). Motivasi Intrinsik Dan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Pembelajaran Sejarah Berasaskan Analisis Sumber-Sumber Teks: Satu Kajian Faktorial. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 13(1), 17-26.
- Kaspin, K. G., Noor, M. M., & Awang, M. M. (2018). Perspektif Pelajar Terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah Di Malaysia. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 9, 31-42.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan Analisis Keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia Tahun 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan Analisis Keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia Tahun 2017.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Berhad (PNB).
- Mat Isa, N. S., & Mahamod, Z. (2021). Tahap pengetahuan, Sikap Dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas. *Asian People Journal*, 4(1), 93-107.
- Mat Lui, M. Z., & Ahmad, A. (2021). Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 211-221.
- Marimun, S. W., & Ahmad, A. (2019). Level of Readiness Of Malay Students To Learn History In Chinese Language School (Srijkc) Using Mandarin And Its Relationship To Achievement. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 93-106.
- Maria, J., Ahmad, A., & Awang, M. M. (2019). The Applications of Historical Thinking Skills in Teaching and History Learning: Between Rhetoric and Reality. *History*, 2013, 2025.
- Madawan, P., Yasin, R. M., & Hamzah, M. I. (2017). Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Kolej Matrikulasi Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran, 541–547. Dimuat turun daripada <https://sted18.files.wordpress.com/2016/12/3-15-padmanaban-madawan-ruhizan-muhammad-yasin-mohd-isa-hamzah.pdf>

- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Noria Munirah Yakub, Ahmad Ali Seman (2016). Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Guru Pra Perkhidmatan Di Indonesia Dan Malaysia. *Pendidikan Kreatif*, 2016 (7), 62-76.
- Nor, M. N. A. M., Kamarudin, N., Manaf, U. K. A., & Puad, M. H. M. (2018). Persepsi Guru Terhadap Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Reka Bentuk Dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training*, 4(2), 1-8.
- Omar, R. (2022). Hubungan Motivasi Belajar Dengan Minat Belajar Pelajar Bermasalah Disiplin Di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 288-302.
- Peng, C. F. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Said, I., Ahmad, K., Seman, R., Ahmad, R. S., & Fadzil, M. F. (2020). Aplikasi 4K 1N Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Abad 21: Satu Kajian Terhadap Pengajaran Guru Tingkatan Enam Di Daerah Kubang Pasu. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 64-79.
- Saleh, N. S., & Rosli, M. S. (2018). Kepentingan Pembelajaran Abad ke-21 Terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 2(2), 71-81.
- Shakila Che Dahalan, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang. (2018). Peningkatan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Sejarah Melalui Teknik Elaborative Interrogation : Satu Sorotan Kajian. Proceedings of International Conference on The Future of Education ICONFEd). Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang, Malaysia, e-ISSN: 1985-1731, 246-263.
- Siti Norzaidah binti Kamaruddin , Anuar Ahmad. (2022). Kesiediaan Guru Sejarah Sekolah Menengah Mengaplikasikan KBAT Dalam Mata Pelajaran Sejarah Di Daerah Segamat, Johor. *International Conference on Business Studies and Education*, e-ISSN: 2785-9479, 77-96.
- Sirajuddin, M., Ahmad, A. R., & Dahalan, S. C. (2022). Keberkesanan PETA Pemikiran (i-THINK) Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), e001328.
- Tajudin, N., & Hashim, S. (2022). Medium Aplikasi Atas Talian dalam Pembelajaran Sejarah Di Luar Waktu Persekolahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), e001797.
- Tahim Bael, B., Nachippan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran, Pengajaran Dan Pemudahcaraan Abad Ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100-119.
- Ting, C. W., Surat, S., & Rahman, S. (2023). Tahap Efikasi Kendiri Dan Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 318-333.
- Tuan Rahayu Tuan Lasan , Mohd Aderi Che Noh , & Mohd Isa Hamzah (2017) Pengetahuan, Sikap Dan Kesiediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15-28.
- Yusof, A. S., Ajmain, M. T., & Rahim, S. A. (2022). Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Pengetahuan terhadap Kemahiran Pelaksanaan KBAT dengan Faktor Kesiediaan Dan Sikap Guru Dalam Mengimplementasikan KBAT Ketika Sesi PdP Sebagai Moderator: Satu Kajian di Daerah Johor Bharu. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(2), 182-191.

- Zakaria, N., Ali, A., Hamidon, N. I., & Abd Rasap, S. (2018). Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Online Journal for TVET Practitioners*. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4795>
- Zaki, F., Ahmad, A., & Othman, N. (2021). Kompetensi Guru Dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanitie*. 6(1), 194-205.